

Faham *al-Sa‘adah* (Kebahagian) menurut Islam: Analisis Matan Akidah Terpilih

The Concept of *al-Sa‘adah* (Happiness) in Islam: An Analysis on Selected Theological Texts

Mior Muhammad Syahir Zahari

Pusat Pengajian Usuluddin. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin. Kampung Gong Badak

21300 Kuala Nerus. Terengganu. Malaysia.

miortherider@gmail.com

Ahmad Bazli Shafie

Pusat Pengajian Usuluddin. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin. Kampung Gong Badak

21300 Kuala Nerus. Terengganu. Malaysia.

bazlshafie@unisza.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol52no2.2>

Abstract

Happiness (*al-sa‘adah*) is an important discourse in the intellectual tradition of Islam. The discourse on happiness may be found in the al-Quran, the prophetic Hadith SAW, the works by mutakallimun, the works by philosophers, and the works by metaphysicians. This article aims to identify the discourse and the concept of *al-sa‘adah* in the selected works of mutakallimun namely *al-‘Aqidah al-Tahawiyyah* by Ahmad al-Tahawi (d. 321 H), *al-‘Aqa‘id* by ‘Umar al-Nasafi (d. 537 H), *Jawharah al-Tawhid* by Ibrahim al-Laqqani (d. 1041 H), and *al-Kharidah al-Bahiyyah* by Ahmad al-Dardir (d. 1201 H). This study research approach is qualitative. The data were collected through document analysis on the selected theological works as stated above and their commentary, also through content analysis by emphasizing on the discourse of *al-sa‘adah*. The data then analyzed descriptively. The study shows that (i) the discourses of *al-sa‘adah* in the text are in tandem with the discourses of *al-shaqawah*, (ii) a person’s *al-sa‘adah* and *al-shaqawah* had been determined by Allah SWT since eternality (azali), (iii) the forms of *al-sa‘adah* and *al-shaqawah*, (iv) it is not compulsory for Allah SWT to grant *al-sa‘adah* or *al-shaqawah* to whoever He wants, and (v) the concept of *al-sa‘adah* discussed by the mutakallimun does not change.

Keywords: *al-Sa‘adah* (Happiness); *al-Shaqawah* (Misery); mutakallimun; Ahmad al-Tahawi; ‘Umar al-Nasafi; Ibrahim al-Laqqani; Ahmad al-Dardir

Abstrak

Kebahagiaan (al-sa‘adah) merupakan sebuah perbahasan yang penting dalam tradisi keilmuan Islam. Perbahasan perihal kebahagiaan dapat ditemukan dalam al-Quran, hadis Nabi SAW, karya *mutakallimun*, ahli falsafah dan sufi. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti perbahasan dan faham *al-sa‘adah* dalam karya *mutakallimun* yang terpilih iaitu matan *al-‘Aqidah al-Tahawiyyah* oleh Ahmad al-Tahawi (m. 321 H), *al-‘Aqa’id* oleh ‘Umar al-Nasafi (m. 537 H), *Jawharah al-Tawhid* oleh Ibrahim al-Laqani (m. 1041 H) serta *al-Kharidah al-Bahiyyah* oleh Ahmad al-Dardir (m. 1201 H). Pendekatan kajian ini adalah kualitatif. Data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen terhadap matan akidah dan karya syarah yang dinyatakan di atas serta kaedah analisis kandungan dengan tumpuan pada perbahasan *al-sa‘adah* lalu dianalisis secara secara diskriptif. Kajian ini mendapati (i) perbahasan *al-sa‘adah* dalam matan adalah seiring dengan perbahasan *al-shaqawah*, (ii) *al-sa‘adah* dan *al-shaqawah* seseorang telah ditentukan oleh Allah SWT sejak azali, (iii) bentuk *al-sa‘adah* dan *al-shaqawah*, (iv) harus bagi Allah SWT untuk mengurniakan *al-sa‘adah* atau *al-shaqawah* kepada seseorang yang dikehendakiNya, dan (v) faham *al-sa‘adah* yang dibahaskan oleh *mutakallimun* adalah tidak berubah-ubah.

Kata Kunci: *al-Sa‘adah* (kebahagiaan); *al-Shaqawah* (kecelakaan); *mutakallimun*; Ahmad al-Tahawi; ‘Umar al-Nasafi; Ibrahim al-Laqani; Ahmad al-Dardir

Pengenalan

Kebahagiaan (al-sa‘adah) merupakan sebuah perbahasan di bawah falsafah etika. Sekurang-kurangnya terdapat 15 perkara yang menjadi perbincangan di bawah falsafah etika iaitu falsafah moral, undang-undang adat, undang-undang moral, kebebasan moral, hati nurani, baik dan buruk, benar dan salah, kebahagiaan, tanggungjawab moral, nilai dan maksiat, keberanian dan penakut, kesederhanaan dan keterlampauan, sikap berhemah, kejujuran serta hikmah dan kebodohan.¹ Kebahagiaan secara umumnya merupakan

¹ Mortimer J. Adler & Charles Van Doren, *Great Treasury of Western Thought: A Compendium of Important Statements on Man and His Institutions by the Great Thinkers in Western History* (New York & London: R.R. Bowker Company, 1977), 552.

tujuan atau matlamat utama bagi tindakan manusia,² etika³ dan ilmu akhlak.⁴

Dalam sejarah falsafah Barat, konsep kebahagiaan dibicarakan antaranya dalam *Euthydemus* dan *Phaedrus* oleh Plato (m. 347 SM), *Eudemian Ethics* dan *Nicomachean Ethics* oleh Aristotle (m. 322 SM) dan *Art of Happiness* oleh Epicurus (m. 270 SM) pada zaman Greek purba. Pada zaman pertengahan, konsep kebahagiaan diteruskan perbicaraanya dalam *Confessions* oleh Augustine (m. 430M) dan *Summa Theologica* oleh Aquinas (m. 1274 M). Pada zaman moden pula, konsep kebahagiaan dibahaskan dalam *Ethics* oleh Spinoza (m. 1677 M), *Concerning Human Understanding* oleh John Locke (m. 1704 M), *Fundamental Principles of the Metaphysic of Morals* oleh Immanuel Kant (m. 1804 M), dan *Utilitarianism* oleh John Stuart Mill (m. 1873 M).⁵

Dalam tradisi keilmuan Islam, antara ilmuwan lepas yang telah membahaskan perihal konsep kebahagiaan dalam karya-karya mereka ialah *Risalah al-Tanbih ‘ala sabil al-Sa‘adah* dan *kitab Tahsil al-Sa‘adah* oleh Abu Nasr al-Farabi (m. 339 H/950 M), *al-Sa‘adah wa al-Is‘ad fi al-Sirah al-Insaniyyah* oleh Abu al-Hasan Muhammad ibn Yusuf al-‘Amiri (m. 381 H/992 M), *Tahdhib al-Akhlaq* oleh Miskawayh (m. 1030 M/421 H), *al-Isharat wa al-Tanbihat* oleh Ibn Sina (m. 428 H/1037 M) dan *Mizan al-‘Amal* serta *Kimiyya’ al-Sa‘adah* oleh Abu Hamid al-Ghazali (m. 505 H/1111 M).⁶

Dalam konteks semasa, karya ahli falsafah dan pemikir Barat yang membahaskan perihal konsep kebahagiaan antaranya ialah *The Conquest of Happiness* oleh Bertrand Russell (m. 1970 M), *Ten Philosophical Mistakes* dan *Reforming Education: The Opening of the American Mind* oleh Mortimer J. Adler (m. 2001 M) dan *After Virtue* oleh Alasdair MacIntyre. Karya atau penulisan ilmuwan

² *Sa‘adah* (happiness) adalah, “... a central concept in Islamic philosophy to describe the highest aim of human striving, which can be reached through ethical perfection and increasing knowledge”. Hans Daiber, “Sa‘ada”, dalam *Encyclopedia of Islam* (Leiden: E.J. Brill, 1995), 8: 657.

³ Mohd. Nasir Omar, *Christian and Muslim Ethics: A Study of How to Attain Happiness as Reflected in the Works on Tahdhib al-Akhlaq by Yahya ibn ‘Adi and Miskawayh* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 6.

⁴ Mohd. Nasir Omar, *Falsafah Akhlak*, ed ke-2 (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2019), 45.

⁵ Mortimer J. Adler, *The Great Ideas: A Syntopicon of Great Books of the Western World* (Chicago, London & Toronto: Encyclopedia Britannica, Inc., 1952), 2: 684-710.

⁶ Majid Fakhry, *Ethical Theories in Islam* (Leiden: E.J. Brill, 1991).

Islam semasa yang membahaskan perihal konsep kebahagiaan antaranya ialah *Tasauf Moderen* oleh Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) (m. 1981 M), *Happiness: A Repressed Concept in Western Psychological Thought* oleh Malik Badri (m. 2021 M) dan *The Meaning and Experience of Happiness in Islam* dalam *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Kebahagiaan yang merupakan salah satu perbahasan dalam falsafah etika telah berkembang dan dibincangkan dalam bidang lain seperti psikologi, ekonomi, neurosains dan dasar awam dalam konteks semasa.⁷ Perkembangan ini seterusnya menyebabkan muncul subjek, wacana dan bidang kajian baharu yang secara khusus berkaitan dengan kebahagiaan. Antaranya ialah The Science of Happiness, Economic of Happiness, Gross National Happiness (GNH), dan Subjective Well-Being (SWB). Setiap bidang ini mempunyai sudut kajian, metodologi kajian dan tujuan kajian yang berkaitan kebahagiaan, samada sama atau berbeza antara satu sama lain.

Perkembangan ini meskipun mengayakan lagi wacana tentang kebahagiaan, turut dikritik oleh beberapa tokoh. Mortimer J. Adler mengkritik pendekatan sebahagian ahli psikologi yang memahami kebahagiaan sebagai suatu keadaan psikologi semata-mata dan tidak sebagai matlamat bagi etika. Pendekatan ini menjadi punca kepada keruntuhan sistem nilai.⁸ Malik Badri pula mengkritik sikap ahli psikologi dan psikiatri Barat yang menggunakan istilah baharu bagi menggambarkan kebahagiaan seperti ‘well adjusted’, ‘mentally healthy’, ‘satisfied’ dan ‘normal’ yang hanya menyentuh aspek perilaku seseorang.⁹ Beliau juga mengkritik metodologi kajian kebahagiaan yang digunakan oleh ahli psikologi Barat dan tafsiran mereka terhadap dapatan kajian kebahagiaan yang tidak menepati kerangka pandangan alam Islam.¹⁰

⁷ Lorraine L. Besser, *The Philosophy of Happiness: An Interdisciplinary Introduction* (New York & London: Routledge, 2021).

⁸ Mortimer J. Adler, *Ten Philosophical Mistakes* (New York: Simon and Schuster, 1996), 131.

⁹ Malik Badri, “Happiness: A Repressed Concept in Western Psychological Thought,” dalam *Cultural and Islamic Adaptation of Psychology: A Book of Collected Articles* (Manchester: Human Behaviour Academy Ltd, 2017), 172.

¹⁰ Ibid., 177-180.

Perkembangan wacana kebahagiaan yang terkini kebanyakannya diusahakan oleh pihak Barat yang tidak dinafikan telah melalui proses pensekularan. Faham kebahagiaan yang diutarakan dalam pelbagai bidang seperti psikologi, ekonomi, neurosains dan dasar awam ini adalah tidak seiring sepenuhnya dengan Islam khususnya berkaitan hal akidah dan kerohanian. Oleh itu, faham kebahagiaan menurut Islam perlu dikenal pasti dan disampaikan kepada masyarakat khususnya umat Islam agar kekeliruan dalam faham kebahagiaan dapat dibendung.

Dalam tradisi keilmuan Islam, meskipun perbahasan kebahagiaan banyak dibahaskan oleh ahli falsafah, ilmuwan dalam akidah Islam ataupun lebih dikenali sebagai *mutakallimun* (ahli kalam) juga tidak terkecuali dalam perbahasan ini. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti perbahasan dan faham kebahagiaan (*al-sa'adah*) dalam karya mereka. Pendekatan kajian ini adalah kualitatif. Data dikumpulkan melalui kaedah analisis dokumen terhadap karya akidah yang terpilih iaitu matan iaitu matan *al-'Aqidah al-Tahawiyah* oleh Ahmad al-Tahawi, *al-'Aqa'id* oleh 'Umar al-Nasafi, *Jawharah al-Tawhid* oleh Ibrahim al-Laqqani serta *al-Kharidah al-Bahiyyah* oleh Ahmad al-Dardir.

Kaedah analisis kandungan juga digunakan terhadap karya-karya ini dengan tumpuan terhadap bait atau perenggan matan yang membahaskan tentang *al-sa'adah*. Data-data yang terkumpul dianalisis secara diskriptif bagi bagi mencapai tujuan artikel ini. Kaedah analisis ini melibatkan penyusunan semula, susun atur, mengubah dan memanipulasi data-data untuk menghasilkan maklumat deskriptif. Data yang terkumpul diubah kepada bentuk yang lebih mudah difahami dan dihuraikan.¹¹

Kebahagiaan (*al-Sa'adah*) Menurut Pandangan Islam

Kebahagiaan (*al-sa'adah*) menurut pandangan Islam terkandung dalam istilah *sa'adah*.¹² Istilah *sa'adah* berakar daripada perkataan

¹¹ Zamalia Mahmud, *Handbook of Research Methodology: A Simplified Version* (Shah Alam: UiTM Press, 2015), 102.

¹² Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Meaning and Experience of Happiness in Islam* (Kuala Lumpur: Ta'dib International, 2023), 1; Seyyed Hossein Nasr, "Happiness and the Attainment of Happiness: An Islamic Perspective," *Journal of Law and Religion* 29.1 (2014), 77.

s‘ad (سعد) dengan bacaan *sa‘ida*.¹³ *Sa‘adah* boleh diterjemahkan kepada beberapa maksud yang lain seperti *prosperity* (kemakmuran), *prosperous* (kemewahan), *luckiness* (keberuntungan), *good fortune* (nasib baik), dan *felicity* (kegembiraan).¹⁴

Lawan kepada *sa‘adah* adalah *shaqawah* yang membawa maksud kecelakaan yang besar dan kesengsaraan secara amnya.¹⁵ *Shaqqawah* sebagai lawan kepada *sa‘adah* ini adalah berdasarkan kepada ayat al-Quran¹⁶ dan kamus-kamus bahasa Arab antaranya dalam *kitab al-‘Ayn* oleh al-Farahidi (m. 170/175 H)¹⁷, *al-Mufradat fi Gharib al-Qur‘an* oleh al-Raghib al-Isfahani (m. 502 H)¹⁸, *Mukhtar al-Sihhah* oleh Muhammad Abu Bakr al-Razi (m. 666 H)¹⁹, *Lisan al-‘Arab* oleh Ibn Manzur (m. 711 H)²⁰, *al-Qamus al-Muhit* oleh al-Fayruzabadi (m. 817 H)²¹ dan *Taj al-‘Arus min Jawahir al-Qamus* oleh al-Zabidi (m. 1205 H).²²

Istilah *sa‘adah* tidak dapat ditemui dalam al-Quran. Tetapi terdapat dua tempat dalam al-Quran yang mengandungi istilah yang berakar kepada *s‘ad* iaitu *sa‘id* dan *su‘idu* dalam surah Hud ayat 105 dan 108.²³ Firman Allah SWT:

¹³ Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukrim ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab* (Beirut: Dar al-Sadir, 2021), 7: 185.

¹⁴ Edward William Lane, *An Arabic-English Lexicon* (Lahore: Suhail Academy, t.t.), 1: 1360-1362.

¹⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*, 1.

¹⁶ Surah Hud, 11:105 dan 108.

¹⁷ Abu ‘Abd al-Rahman al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi, *Kitab al-‘Ayn*, ed. ‘Abd al-Hamid Hindawi (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 2:246.

¹⁸ Raghib al-Isfahani, *al-Mufradat fi Gharib al-Qur‘an*, ed. Muhammad Sayyid Kaylani (Beirut: Dar al-Ma‘rifah, t.t.), 232.

¹⁹ Muhammad bin Abi Bakr bin ‘Abd al-Qadir al-Razi, *Mukhtar al-Sihhah* (Beirut: Dar al-Fikr, 1973), 299 dan 343-344.

²⁰ Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, 7: 185, 8: 114.

²¹ Muhammad bin Ya‘qub al-Fayruzabadi, *al-Qamus al-Muhit*, ed. Nasr al-Hurini (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 312.

²² Muhammad Murtada al-Husayni al-Zabidi, *Taj al-‘Arus min Jawahir al-Qamus*, ed. ‘Abd al-‘Aziz (Kuwait: Maṭba‘ah Hukumah al-Kuwait, 1994), 8:192.

²³ ‘Abdullah Ibrahim Jalghum, *al-Mu‘jam al-Mufahras al-Shamil li al-Faz al-Qur‘an al-Karim bi al-Rasm al-‘Uthmani* (Riyadh: Tafsir Center for Qur’anic Studies, 2015), 1: 625.

يَوْمَ يُأْتِ لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ وَمِنْهُمْ شَقِيقٌ
وَسَعِيدٌ

Hud 11: 105

Terjemahan: (Pada) masa datangnya (hari kiamat itu), tiadalah seorangpun dapat berkata-kata (untuk membela dirinya atau memohon pertolongan) melainkan dengan izin Allah. Maka di antara mereka ada yang celaka, dan ada pula yang berbahagia.

وَأَمَّا الَّذِينَ سَعِدُوا فَقِي الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ
الْسَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ بِعَطَاءٍ غَيْرَ مَحْدُودٍ

Hud 11: 108

Terjemahan: Adapun orang-orang yang berbahagia (disebabkan imannya dan ta'atnya), maka di dalam Syurgalah tempatnya. Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi, kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu, sebagai pemberian ni'mat yang tidak putus-putus.

Kedua-dua ayat ini jelas menunjukkan bahawa di hari akhirat kelak, manusia akan tergolong dalam dua golongan iaitu golongan yang bahagia dan golongan yang celaka. Golongan yang bahagia itu tempatnya di syurga, manakala golongan yang celaka itu tempatnya di neraka. Secara tidak langsung, dapat difahami bahawa golongan yang bahagia itu adalah ahli syurga dan bentuk kebahagiannya adalah syurga, manakala golongan yang celaka itu adalah ahli neraka dan bentuk kecelakaannya adalah neraka.

Ibn Kathir (m. 774 H) menjelaskan *yawm ya 'ti* dalam ayat 105 merujuk kepada hari Kiamat. Manusia yang dibangkitkan pada hari tersebut terdiri daripada dua golongan iaitu golongan yang celaka

dan bahagia.²⁴ Mereka yang bahagia dalam ayat 108 itu adalah golongan yang mengikut para rasul.²⁵

Dalam indeks hadis berdasarkan *Kutub al-Tis'ah* oleh A. J. Wensinck dan J. P. Mensing, terdapat istilah *s'ad* dan istilah lain yang berakar kepada *s'ad* pada hadis Nabi SAW iaitu *sa'ida* (سعَد); *sa'ada* (سَعَادَة); *as'ada* (أَسْعَدَ); *sa'd* (سَعْدٌ); *sa'adah* (سَعَادَةً); *sa'dan* (سَعْدَانٌ); *sa'dah* (سَعْدَانَةً); *as'ad* (أَسْعَدُ); *sa'id* (سَعِيدٌ); *as'adanah* (سَعْدَانَةً); *sa'adah* (سَعَادَةً).²⁶ Berikut dinyatakan beberapa hadis yang menjelaskan perihal *sa'adah*. Dalam Musnad Imam Ahmad:

... حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ سَعْدٍ بْنُ أَبِي وَقَاصٍ،
عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ: مِنْ سَعَادَةِ ابْنِ آدَمَ ثَلَاثَةٌ، وَمِنْ شِفْقَةِ ابْنِ آدَمَ
ثَلَاثَةٌ: مِنْ سَعَادَةِ ابْنِ آدَمَ الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ، وَالْمَسْكُنُ
الصَّالِحُ، وَالْمَرْكَبُ الصَّالِحُ، وَمِنْ شِفْقَةِ ابْنِ آدَمَ الْمَرْأَةُ
السُّوءُ، وَالْمَسْكُنُ السُّوءُ، وَالْمَرْكَبُ السُّوءُ.

Terjemahan: Daripada Sa'ad bin Abu Waqas beliau berkata, Nabi SAW bersabda: “Antara kebahagiaan anak Adam itu tiga perkara dan antara perkara yang menderitakan anak Adam itu tiga perkara. Antara kebahagiaan anak Adam itu adalah perempuan yang baik, tempat tinggal yang baik, dan tunggangan yang baik. Manakala, antara perkara yang menderitakan anak Adam itu adalah perempuan yang buruk,

²⁴ Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, ed. Sami bin Muhammad al-Salamah (Riyadh: Dar al-Taybah, 1999), 4: 350.

²⁵ Ibid., 4: 352.

²⁶ A. J. Wensinck & J. P. Mensing, *Concordance et Indices de la Tradition Musulmane: Les Six Livres, le Musnad D'al-Darimi, Le Muwatta' de Mslik, le Musnad de Ahmad Ibn Hanbal* (Leiden: E. J. Brill, 1943), 2: 462-463.

tempat tinggal yang buruk dan tunggangan yang buruk.”²⁷

Berdasarkan hadis ini, Islam tidak menafikan perkara di dunia seperti wanita solehah, jiran yang baik, rumah yang lapang dan tunggangan yang baik merupakan punca kepada kebahagiaan seseorang. Selain itu, hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Islam tidak memisahkan hal ehwal keduniaan dengan akhirat. Di samping itu, hadis ini juga menyatakan bahawa kebahagiaan itu boleh dicapai dengan sesuatu yang di luar diri manusia. Dalam sebuah hadis riwayat al-Bukhari:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
أَسْعَدُ النَّاسِ بِشَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ خَالِصًا مِنْ قَلْبِهِ، أَوْ نَفْسِهِ.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda: “Orang yang paling bertuah (bahagia) yang akan memperoleh syafaatku pada hari Kiamat ialah orang yang mengucapkan “La ilaha illa Allah”, dengan tulus ikhlas dari dasar hatinya”.²⁸

Berdasarkan hadis ini, dinyatakan bahawa seseorang itu akan memperoleh *sa'd* (kebahagiaan, tuah, kemakmuran) tatkala menerima syafaat Nabi SAW. Selain itu, dalam kalangan orang yang bahagia itu masih terdapat martabat tertentu seperti orang yang bahagia dan orang lebih bahagia bergantung kepada amalan masing-masing. Mereka yang lebih bahagia ini merupakan manusia

²⁷ Hadis riwayat Sa'ad bin Abi Waqas, dalam *Musnad Ahmad ibn Hanbal*, ed. Shu'ayb al-Arnau't dan 'Adil Murshid (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1995), 3: 55. (no. hadis 1445).

²⁸ dalam Muhammad ibn 'Abd Allah Khutib al-Tibrizi, *Mishkat al-Masabih*, ed. Nasir al-Din al-Albani (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1979), 3: 1548 (Kitab ke-28, bab pertama, no. hadis 5574). Hadis yang membawa menyatakan perkara yang sama tetapi dengan matan yang lebih panjang dapat ditemukan dalam Sahih al-Bukhari. Lihat dalam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* (Beirut: Dar Ibn-Kathir, 2002), 37-38 (Kitab al-'Ilm, no. hadis 99 dan 6570)

yang menyerahkan diri kepada Allah SWT dengan tulus ikhlas dan mereka ini akan menerima kebahagiaan yang lebih banyak.²⁹

Dalam tradisi keilmuan Islam, kebahagiaan telah dibahaskan oleh ilmuwan Islam daripada beberapa jenis aliran (*schools*) yang mewakili pemikiran Islam. Mereka adalah *mutakallimun* (ahli kalam), *hukama'* (ahli falsafah) dan ahli sufi (metaphysicians).³⁰ Contoh ahli falsafah yang membincangkan tentang kebahagiaan adalah:

i. Al-Farabi (m. 339 H)

Nama penuh beliau ialah Abu al-Nasr Muhammad ibn Muhammad ibn Tarkhan ibn Awzalagh al-Farabi yang dikenali juga sebagai *Mu'allim al-Thani*. Antara karya beliau yang membahaskan perihal kebahagiaan ialah *Risalah al-Tanbih 'ala Sabil al-Sa'adah*, *kitab Ara'Ahl al-Madinah al-Fadilah* dan *kitab Tahsil al-Sa'adah*. Beliau menyatakan bahawa *al-Sa'adah* sebagai “kebaikan yang dituntut hanya kerana ia”.³¹

ii. Al-'Amiri (m. 381 H)

Nama penuh beliau ialah Abu al-Hasan Muhammad ibn Yusuf al-'Amiri. Antara karya beliau yang membahaskan perihal kebahagiaan ialah *al-Sa'adah wa al-Is'ad fi al-Sirah al-Insaniyyah*. Dalam karya ini, beliau membahaskan etika pada sudut falsafah dan garis panduan akan benar dan salah dalam konteks kehidupan peribadi serta bermasyarakat. Perkara-perkara yang dibahaskan beliau ini merupakan asas bagi mencapai kebahagiaan peribadi dan membuatkan orang lain bahagia.³²

²⁹ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, ed. Abu Qutaybah Nazr Muhammad al-Fariyabi (Riyadh: Dar al-Taybah, 2005), 1: 339.

³⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas menyatakan ketiga-tiga aliran ini merupakan wakil bagi pemikiran Islam. Sila lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam* (Johor Bahru: Penerbit UTM Press, 2014), 3.

³¹ Abu Nasr al-Farabi, *Kitāb Ara'Ahl al-Madinah al-Fadilah*, ed. Albir Nasri Nadir (Beirut: Dar al-Mashriq, 1986), 106.

³² Pengenalan oleh Mojtaba Minovi dalam Abu al-Hasan Muhammad ibn Yusuf al-'Amiri, *Al-Sa'adah wa al-Is'ad fi al-Sirah al-Insaniyyah* (Tehran: University of Tehran Publications, 1957), v.

iii. Miskawayh (m. 421 H)

Nama penuh beliau ialah Abu ‘Ali Ahmad ibn Muhammad ibn Ya‘qub. Antara karya beliau yang membahaskan perihal kebahagiaan ialah *kitab al-Sa‘adah* dan *Tahdhib al-Akhlaq*. Karya-karya ini merupakan antara karya awal ilmuwan Islam tentang etika. Dalam *Tahdhib al-Akhlaq*, terdapat tujuh makalah dan perbahasan tentang kebahagiaan adalah pada makalah ketiga yang dinamakan *al-Khayr wa al-Sa‘adah*.³³

iv. Ibn Sina (m. 428 H)

Nama penuh beliau ialah Abu ‘Ali al-Husayn ibn ‘Abdullah ibn al-Hasan ibn ‘Ali ibn Sina yang dikenali sebagai *al-Shaykh al-Ra‘is*. Antara karya beliau yang membahaskan perihal kebahagiaan ialah *al-Isharat wa al-Tanbihat*. Dalam karya ini antara tumpuan perbincangan beliau adalah keseronokan atau kelazatan dan kebahagiaan. Perbahasan perihal *al-ladhdhah* dan *al-sa‘adah* dapat ditemukan pada bahagian *al-tasawwuf*. Pada bahagian ini, beliau juga menjelaskan usaha pencapaian kebahagiaan oleh golongan yang beliau namakan sebagai *al-‘arifūn*.³⁴

Contoh ahli sufi yang membincangkan perihal kebahagiaan adalah:

i. Al-Ghazali (m. 505 H)

Nama penuh beliau ialah Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Ahmad. Antara karya beliau yang membahaskan perihal kebahagiaan ialah *Mizan al-Amal*, *Ihya ‘Ulum al-Din*, *Kimiya’ Sa‘adah* dan *Ma‘arij al-Quds fi Madarij Ma‘rifah al-Nafs*. Konsep kebahagiaan yang dibahaskan oleh al-Ghazālī terdiri daripada dua aspek. Pertama, aspek negatif yang merujuk kepada jenis kebahagiaan yang bukan hakikat kebahagiaan seperti nikmat, kelazatan dan kebahagiaan di dunia. Namun, aspek ini memainkan peranan sebagai persediaan bagi mencapai kebahagiaan di akhirat. Kedua, aspek positif yang merujuk

³³ Miskawayh, *Tahdhib al-Akhlaq*, ed. ‘Imad al-Halali (Beirut: Mansyurat al-Jumal, 2011), 305-330

³⁴ Idris Zakaria, “Ketuhanan, Kenabian dan Kebahagiaan Menurut Ibn Sina,” *Islamiyyat* 32 (2010), 151.

kepada kepada faham kebahagiaan yang sebenar iaitu kebahagiaan di akhirat.³⁵

ii. Ibn ‘Arabi (m. 638 H)

Nama penuh beliau ialah Abu Bakr Muhammad ibn al-‘Arabi al-Hatimi al-Ta’i. Beliau turut dikenali sebagai Muhyi al-Din ibn ‘Arabi dan digelarkan sebagai *al-Shaykh al-Akbar*. Karya utama beliau ialah *al-Futuhat al-Makkiyah*. Karya ini merupakan karya terbesar beliau yang terdiri daripada enam bahagian dan 560 bab. Perbahasan perihal kebahagiaan oleh beliau dapat dilihat pada bab ke 167 yang bertajuk *Fit Ma‘rifat Kimiya’ al-Sa‘adah*. Pada awal bab ini, beliau menjelaskan perihal *kimiya’* sudut keduniaan yang mana *kimiya’* ini merupakan suatu proses yang mengubah keadaan sesuatu perkara seperti logam kepada logam yang lain. Kemudian, beliau membahaskan proses penyempurnaan jiwa yang akan membawa kebahagiaan yang kekal.³⁶

Berdasarkan sorotan di atas jelas menunjukkan bahawa *al-sa‘adah* merupakan sebuah perbahasan yang tidak asing dalam tradisi keilmuan Islam. Selain itu, dapat dikenal pasti dengan jelas bahawa ahli falsafah Islam dan sufi telah menjelaskan akan *al-sa‘adah* dalam karya yang khusus. Bahagian selepas ini menyatakan dan menjelaskan perbahasan kebahagiaan oleh *mutakallimun* iaitu Ahmad al-Tahawi, ‘Umar al-Nasafi, Ibrahim al-Laqani dan Ahmad al-Dardir melalui karya akidah mereka. Syarahan juga dirujuk untuk mengenal pasti huraihan lanjut tentang konsep kebahagiaan dalam matan tersebut.

Al-Sa‘adah dalam al-‘Aqidah al-Tahawiyah oleh al-Tahawi

Abu Ja‘far Ahmad bin Muhammad bin Salamah al-Tahawi atau lebih dikenali sebagai al-Ṭahāwī lahir di sebuah kampung iaitu Taha, Mesir pada 239 H/853 M. Beliau seorang pakar yang dalam pelbagai bidang antaranya al-Quran dan al-Sunnah. Dalam bidang hadis, beliau dikenali dengan kepakarannya dalam perbahasan ‘ilm

³⁵ Muhammad Abul Quasem, “al-Ghazālī’s Conception of Happiness,” *Arabica* 22.2 (1975), 154 & 156.

³⁶ Ibn ‘Arabi, *The Alchemy of Human Happiness*, terj. Stephen Hirtenstein (Oxford: Anqa Publishing, 2017), 45-52.

al-'ilal. Beliau juga pernah membetulkan kesilapan dalam bidang hadis yang berkaitan dengan bapa saudaranya, al-Muzani.

Dalam bidang fiqh, al-Tahawi mempunyai hubungan dengan dua mazhab iaitu mazhab Hanafi dan Shafi'i. Beliau awalnya didedahkan dengan fiqh mazhab Shafie melalui ibunya sendiri yang merupakan adik kepada al-Muzani (m. 264 H/878 M). Al-Muzani pula merupakan anak murid kepada al-Shafi'i (m. 204 H/820 M). Selain ibunya, al-Tahawi juga menuntut ilmu dengan al-Muzani. Namun, setelah beberapa tempoh tertentu beliau mengambil keputusan untuk beralih kepada mazhab Hanafi. Kesarjanaan beliau dalam fiqh adalah sangat tinggi sehingga Qutb al-Din Ahmad bin 'Abd al-Rahim yang dikenali sebagai Shah Wali Allah Dehlawi (m. 1176/1762 M) mengatakan beliau merupakan seorang sarjana yang mandiri dan tidak menerima bulat-bulat pendapat mazhab Hanafi.

Beliau mengarang pelbagai karya dalam pelbagai bidang. Bagi bidang akidah, beliau terkenal dengan karya yang dikenali sebagai *al-'Aqidah al-Tahawiyyah*. Karya ini membahaskan asas-asas dalam akidah Islam dan berdasarkan kepada al-Quran serta beberapa hadis mutawatir.³⁷

Al-Tahawi menerangkan perihal *al-sa'adah* dalam *al-'Aqidah al-Tahawiyyah* seperti berikut:

وَالسَّعِيدُ مَنْ سَعِدَ بِقَضَاءِ اللَّهِ، وَالشَّقِيقُ مَنْ شَقِيقٌ
بِقَضَاءِ اللَّهِ.

Terjemahan: Dan orang yang bahagia itu ialah mereka yang bahagia kerana ketentuan Allah, dan orang yang celaka itu ialah mereka yang celaka kerana ketentuan Allah.³⁸

Al-Tahawi menyatakan bahawa mereka yang bahagia atau celaka itu adalah berdasarkan ketentuan Allah SWT. Secara umumnya boleh difahami di sini bahawa kebahagiaan dan kecelakaan bagi seorang itu berhubung kait dengan kehendak dan

³⁷ Latar belakang Ahmad al-Tahawi ini berdasarkan penjelasan oleh Hamza Yusuf dalam Ahmad bin Muhammad al-Tahawi, *The Creed of Imam al-Tahawi*, ed. Hamza Yusuf (Berkeley: Zaytuna Institute, 2007), 25-39.

³⁸ Matan ini dinukilkan daripada Sa'id 'Abd al-Latif Fudah, *al-Sharh al-Kabir 'ala al-'Aqidah al-Tahawiyyah* (Beirut: Dar al-Dakhair, t.t.), 794.

ilmu Allah SWT. Pernyataan oleh al-Tahawi ini adalah bertepatan dengan hadis Nabi SAW riwayat al-Bukhari daripada Anas bin Malik.³⁹

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ
وَكُلَّ بِالرَّحْمَمِ مَلَكًا يَقُولُ: يَا رَبِّ نُطْفَةٌ، يَا رَبِّ عَلَقَةٌ،
يَا رَبِّ مُضْعَةٌ، فَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَقْضِي حَلْقَةً قَالَ: أَذْكُرْ
أَمْ أُنْثَى؟ شَقِيقٌ أَمْ سَعِيدٌ؟ فَمَا الرِّزْقُ؟ وَالْأَجْلُ؟ فَيُكْتَبُ
فِي بَطْنِ أُمِّهِ.

Terjemahan: Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya Allah ‘azzawajalla menugaskan satu malaikat bagi rahim seseorang. Malaikat itu berkata: “Ya Rabb, nutfah. Ya Rabb, segumpal darah. Ya Rabb, segumpal daging.” Maka apabila Allah berkehendak menetapkan ciptaanNya, Malaikat itu bertanya, “Adakah lelaki atau perempuan? Celaka atau bahagia? Maka bagaimana dengan rezeki dan ajalnya?” Maka telah ditetapkan perkara tersebut sejak dalam perut ibunya.

Dalam riwayat yang lain,

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ وَكُلَّ بِالرَّحْمَمِ
مَلَكًا فَيَقُولُ: يَا رَبِّ نُطْفَةٌ، يَا رَبِّ عَلَقَةٌ، يَا رَبِّ
مُضْعَةٌ، فَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَخْلُقَهَا قَالَ: يَا رَبِّ أَذْكُرْ يَا رَبِّ
أُنْثَى؟ يَا رَبِّ شَقِيقٌ أَمْ سَعِيدٌ؟ فَمَا الْأَجْلُ؟ فَيُكْتَبُ
كَذَلِكَ فِي بَطْنِ أُمِّهِ.

³⁹ Hadis ini dinukilkan daripada Sa’id ‘Abd al-Latif Fudah, *al-Sharh al-Kabir ‘ala al-‘Aqidah al-Tahawiyah* (Beirut: Dar al-Dakhair, t.t.), 794-795.

Terjemahan: Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya Allah menugaskan satu malaikat bagi rahim seseorang. Malaikat itu berkata: “Ya Rabb, air mani (*nutfah*). Ya Rabb, segumpal darah. Ya Rabb, segumpal daging.” Maka apabila Allah berkehendak menciptakan janin itu, Malaikat itu bertanya, “Ya Rabb, adakah lelaki atau perempuan? Ya Rabb, celaka atau bahagia? Maka bagaimana dengan ajalnya?” Maka telah ditetapkan perkara tersebut sejak dalam perut ibunya.

Dalam al-Mu‘jam al-Saghir oleh al-Tabrani daripada Abdullah bin Mas‘ud:

حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ – وَهُوَ الصَّادِقُ
الْمَصْدُوقُ – : إِنَّ حَلْقَ أَحَدِكُمْ يُجْمَعُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعينَ
يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْعَةً مِثْلَ
ذَلِكَ، ثُمَّ يَأْتِي الْمَلَكُ فَيَكْتُبُ : شَقِيقٌ أَوْ سَعِيدٌ، ذَكَرٌ أَوْ
أُنْثَى .

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami oleh Rasulullah SAW dan baginda itu orang yang benar lagi dibenarkan: “Sesungguhnya penciptaan setiap seorang kamu adalah dikumpulkan dalam perut ibunya selama 40 hari, kemudian menjadi segumpal darah selama itu juga, kemudian menjadi segumpal daging selama itu juga. Kemudian didatangkan malaikat untuk menuliskan kecelakaan atau kebahagiaan, dan lelaki atau perempuan.”

Dalam Musnad Ahmad daripada Jabir, beliau telah berkata:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا اسْتَقَرَتِ
النُّطْفَةُ فِي الرَّحِيمِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، أَوْ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً، بَعَثَ
إِلَيْهَا مَلَكًا، فَيَقُولُ: يَا رَبِّ، مَا رِزْقُهُ؟ فَيُقَالُ لَهُ،
فَيَقُولُ: يَا رَبِّ مَا أَجَلُهُ؟ فَيُقَالُ لَهُ، فَيَقُولُ: يَا رَبِّ،
ذَكْرٌ أَوْ أُنْثَى؟ فَيُعْلَمُ، فَيَقُولُ: يَا رَبِّ شَقِيقٌ أَمْ سَعِيدٌ؟
فَيُعْلَمُ.

Terjemahan: Rasulullah SAW bersabda: Apabila air mani (nutfah) telah menetap di rahim selama 40 hari atau 40 malam, Allah mengutus Malaikat kepadanya. Maka malaikat bertanya: “Ya Rabb, bagaimana rezekinya?” Maka dia dijawab. Lalu malaikat bertanya: “Ya Rabb, bagaimana ajalnya?” Maka dia dijawab. Lalu malaikat bertanya: “Ya Rabb, lelaki atau perempuan?” Maka diberitahukan kepadanya. Lalu malaikat bertanya: “Ya Rabb, celaka atau bahagia?” Maka diberitahukan kepadanya.

Hadis di atas merupakan hadis yang menjelaskan tentang proses awal penciptaan manusia tatkala dalam kandungan seorang ibu. Nabi SAW juga menyatakan akan empat perkara yang telah ditentukan oleh Allah SWT bagi seseorang itu iaitu (i) rezeki, (ii) kematian, (iii) jantina, dan (iv) kebahagian serta kecelakaan. Penetapan keempat-empat perkara ini adalah sesuatu yang telah ditentukan yakni ditulis bertepatan dengan ketentuan dan kehendak serta ilmu Allah SWT sejak anak Adam itu berada dalam rahim ibunya.⁴⁰

Pernyataan oleh al-Tahawi bahawa kebahagian orang yang bahagia serta kecelakaan orang yang celaka itu adalah sesuatu yang ditentukan oleh Allah SWT adalah bertitik tolak daripada hadis

⁴⁰ Ibid., 795.

Nabi SAW seperti di atas. Beliau juga secara tidak langsung menjelaskan hubungan antara Allah SWT dengan kebahagiaan dan kecelakaan seseorang.

Al-Sa‘adah dalam al-‘Aqa’id oleh al-Nasafi

Abu Hafs ‘Umar Najm al-Din al-Nasafi atau lebih dikenali sebagai al-Nasafi merupakan seorang ilmuwan Islam yang hebat bermazhab Hanafi dalam fiqh dan aliran al-Maturidiyyah dalam akidah. Beliau telah mengarang sebuah ringkasan bagi akidah Islam yang dikenali sebagai *al-‘Aqa’id*. Karya ini telah disyarahkan oleh ramai ilmuwan Islam terkemudian, namun syarahan yang paling terkenal adalah *Sharh al-‘Aqaid al-Nasafiyah* oleh Sa‘d al-Din al-Taftazani (m. 792 H/1387/8 M).

Karya *al-‘Aqa’id* ini merupakan teks utama bagi akidah aliran al-Maturidiyyah dan berjaya menarik perhatian beberapa ahli kalam daripada aliran al-Asha‘irah contohnya al-Taftazani sendiri. Karya ini juga mendapat tempat di alam Melayu berdasarkan penemuan manuskrip tertua di alam Melayu dan pernyataan oleh Nur al-Din al-Raniri (m. 1068 H/1658 M) dalam karyanya *Durrat al-Fara’id bi Sharh al-‘Aqa’id*.⁴¹

Al-Nasafi dalam *al-‘Aqa’id* membahaskan perihal *al-sa‘adah* serta *al-shaqawah* seperti berikut:

وَالسَّعِيدُ قَدْ يَشْفَى، وَالشَّقِيقُ قَدْ يَسْعَدُ، وَالتَّغْيِيرُ يَكُونُ
عَلَى السَّعَادَةِ وَالشَّقَاوَةِ، دُونَ الإِسْعَادِ وَالإِشْقَاءِ، وَهُنَّا
مِنْ صِفَاتِ اللَّهِ تَعَالَى، وَلَا تَعَيْرُ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى وَلَا عَلَى
صِفَاتِهِ.

Terjemahan: Orang yang bahagia barangkali merasai kecelakaan, dan orang yang celaka barangkali merasai kebahagiaan. Perubahan barangkali berlaku dalam urusan kebahagiaan

⁴¹ Latar belakang ‘Umar al-Nasafi ini berdasarkan maklumat dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the ‘Aqa’id of al-Nasafi* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1988), 7-9; Mustafa Ceric, *Roots of Synthetic Theology in Islam: A Study of the Theology of Abu Mansur al-Maturidi* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995), 229-230.

dan kecelakaan, tetapi tidak berlaku dalam penetapan kebahagiaan dan penetapan kecelakaan, kerana kedua-duanya adalah daripada sifat Allah Ta'ala. Dan tiadalah perubahan pada Allah Ta'ala dan pada sifat-sifatNya.⁴²

Al-Taftazani menjelaskan “orang yang bahagia barangkali merasai kecelakaan” kerana orang tersebut menjadi murtad selepas beriman. Manakala, “orang yang celaka barangkali merasai kebahagiaan” kerana orang tersebut beriman selepas kekuferan. Namun, penetapan kebahagiaan dan penetapan kecelakaan adalah perkara yang tidak berubah kerana kedua-duanya itu adalah sifat Allah SWT.⁴³ Ramadan Afandi (m. 979 H) menyatakan bahawa terdapat lima tanda kecelakaan bagi seseorang menurut sebahagian ahli falsafah iaitu (i) banyak makan, minum, tidur dan bercakap, (ii) berterusan melakukan dosa, (iii) keras hati, (iv) banyak dosa dan (v) lupa mati.⁴⁴

Berdasarkan matan ini, terdapat dua aspek perbahasan tentang kebahagiaan dan kecelakaan iaitu (i) keadaan seseorang yang bahagia atau celaka dan (ii) penetapan kebahagiaan dan kecelakaan seseorang. Keadaan seseorang itu boleh berubah daripada bahagia kepada celaka atau sebaliknya, tetapi tidak kepada ketetapan sedia ada akan kebahagiaan dan kecelakaan seseorang. Selain itu, al-Nasafi juga menyatakan bahawa *al-is'ad* dan *al-ishqa'* merupakan sifat Allah SWT.

Al-Sa'adah dalam Jawharah al-Tawhid oleh Ibrahim al-Laqqani
Ibrahim bin Ibrahim bin Hasan al-Laqqani atau lebih sebagai Ibrahim al-Laqqani lahir di Laqanah, sebuah perkampungan di Mesir. Beliau merupakan seorang ilmuwan yang sentiasa dijadikan tempat rujukan untuk fatwa-fatwa keagamaan serta isu-isu agama. Beliau juga merupakan seorang ilmuwan yang berjaya menghubung jalin antara syariat dan hakikat.

⁴² Sa'd al-Din Mas'ud al-Taftazani, *Sharh al-'Aqaid al-Nasafiyyah*, ed. Anas Muhammad 'Adnan (Damsyik: Dar al-Taqwah, 2020), 90.

⁴³ Ibid., 288.

⁴⁴ Ramadan bin Muhammad, *Sharh Ramadan Afandi 'ala Sharh al-'Aqaid* (t.p: Sharqat Sahafiyyah 'Uthmaniyyah, 1902), 274.

Kepakaran beliau bukan sahaja dalam akidah, namun merentasi pelbagai bidang ilmu. Antara karya beliau yang masyhur adalah *Jawharah al-Tawhid*, sebuah karya dalam perbahasan ilmu akidah. Beliau telah mensyarahkan karya beliau ini sendiri kepada beberapa peringkat antaranya ‘*Umdah al-Murid li Jawharah al-Tawhid* yang dikenali sebagai *Sharh al-Akbar*, *Talkhis al-Tajrid li ‘Umdah al-Murid* yang dikenali sebagai *Sharh al-Awsat* dan *Hidayah al-Murid li Jawharah al-Tawhid* yang dikenali sebagai *Sharh al-Asghar*. Karya beliau dalam bidang hadis antaranya ialah *Bahjah al-Mahafil bi al-Ta‘rif bi Riwayat al-Shama’ il.*⁴⁵

Ibrahim al-Laqqani dalam *Jawharah al-Tawhid* pada bait ke-47 menyatakan perihal orang yang bahagia dan celaka:

فَوْزُ السَّعِيدِ عِنْدُهُ فِي الْأَرْضِ # كَذَا الشَّقِيقُ شَمَّ مَمْ يَنْتَقِلُ

Terjemahan: (Sesungguhnya) kejayaan seorang yang bahagia di sisiNya (ditetapkan Allah) sejak azali. # Begitu juga orang yang celaka (sabit sejak azali) dan (ketetapan) tidak akan berubah.⁴⁶

Berdasarkan bait ini, kebahagiaan dan kecelakaan seseorang itu adalah suatu perkara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali. Perkara tersebut juga adalah perkara yang diketahui oleh Allah SWT dalam naungan ilmu Allah SWT. Seseorang yang bahagia tidak akan bertukar kepada celaka atau sebaliknya sepetimana yang telah ditetapkan sekal azali. Jika hal ini berlaku, seolah-olah berlaku pertentangan dengan ilmu Allah SWT dan menandakan kejahilan, maka hal ini adalah mustahil akal.⁴⁷

Tanda-tanda orang yang bahagia itu antaranya ialah Islam, taat kepada Allah SWT dan beramal soleh. Manakala, kekufuruan dan keingkaran kepada Allah SWT adalah tanda-tanda orang yang celaka. Selain itu, pengakhiran hidup seseorang itu merupakan tanda kebahagiaan dan kecelakaan seseorang. Sekiranya mati dalam

⁴⁵ Muhammad Nasri Hassan Basri et. al., “Mukhalafatuhu li al-Hawadith menurut Perspektif Shurrah Matan Jawharah al-Tawhid,” *Jurnal Akidah & Pemikiran* (AFKAR) 21.1 (2019), 55-57.

⁴⁶ Burhan al-Din Ibrahim al-Bajuri, *Tuhfat al-Murid ‘ala Jawharah al-Tawhid*, ed. ‘Ali Jum‘ah Muhammad (Kaherah: Dar al-Salam, 2008), 16.

⁴⁷ Ibid., 173

Islam, maka keadaan itu menunjukkan bahawa mereka ialah daripada golongan yang tertulis ke atasnya sebagai orang yang bahagia sejak azali. Sedangkan jika mati dalam kekufuran, maka mereka adalah daripada golongan yang tertulis ke atasnya sebagai orang yang celaka sejak azali.⁴⁸

Walau bagaimanapun, tanda-tanda yang dinyatakan ini bukanlah sesuatu yang pasti dalam menetapkan kesudahan seseorang itu. Hal ini kerana segala perkara secara mutlak adalah di bawah kehendah Allah SWT.⁴⁹ Tanda-tanda ini dijelaskan oleh para ulama sebagai peringatan buat para manusia agar terus menerus melakukan kebaikan hingga ke akhir hayat. Pada bait ke-110, Ibrahim al-Laqqani menyatakan:

دَارًا حُلُودٍ لِلسَّعِيدِ وَالشَّقِيقِ # مُعَذَّبٌ مُنَعَّمٌ مَهْمَأْتِي
بَقِيٌّ

Terjemahan: Kedua-duanya (syurga dan neraka) ialah tempat yang kekal bagi orang yang bahagia dan orang yang celaka # (Masing-masing) diazab, diberi nikmat selama mana ia kekal (dengan izin Allah).⁵⁰

Dalam bait ini, dinyatakan bahawa syurga dan neraka serta segala isi dalamnya itu berkekalan. Ahl Sunnah wa al-Jama'ah berpandangan bahawa syurga dan neraka itu kekal dengan izin Allah SWT. Manakala, golongan al-Jahmiyyah pula sebaliknya, yang mana mereka mendakwa syurga dan neraka itu akan binasa. Dakwaan mereka ini adalah salah lagi bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah serta menjadikan mereka kafir. Bait ini juga menyatakan bahawa setiap orang yang bahagia dan yang celaka akan diletakkan pada tempat yang kekal masing-masing. Selain itu, bait ini adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 105 yang mana para manusia akan terdiri kepada dua kelompok

⁴⁸ Akli Ahmad, *Risalah Fikriyyah: Menghuraikan Matan Jauharah* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2015), 95.

⁴⁹ Ibid., 95.

⁵⁰ Burhan al-Din Ibrahim al-Bajuri, *Tuhfat al-Murid 'ala Jawharah al-Tawhid*, ed. 'Ali Jum'ah Muhammad (Kaherah: Dar al-Salam, 2008), 19.

pada hari yang dijanjikan kelak iaitu kelompok yang bahagia dan kelompok yang celaka.

Syurga adalah buat orang yang bahagia iaitu mereka yang mati dalam sebagai seorang Muslim meskipun hidupnya didahului sebagai seorang kafir. Penghuni syurga ini akan kekal dengan nikmat syurga dan setinggi-tinggi nikmat syurga adalah melihat wajah Allah yang Maha Mulia. Manakala, neraka adalah buat orang yang celaka iaitu mereka yang mati dalam keadaan kufur meskipun dalam kehidupannya dengan tempoh yang panjang pernah menjadi seorang yang beriman. Mereka ini akan kekal dengan azab neraka. Bagi orang beriman yang berdosa, mereka akan diseksa terlebih dahulu dalam neraka sekadar dosa mereka lalu dikeluarkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga.⁵¹

Pada bait pertama, Ibrahim al-Laqani menjelaskan tentang hubungan antara kebahagiaan dan kecelakaan dengan Allah SWT yang mana kedua-dua perkara ini adalah sesuatu yang ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali. Penetapan kedua-dua perkara ini juga adalah tidak berubah-ubah. Pada bait kedua, beliau menjelaskan tentang nasib orang yang bahagia dan orang yang celaka iaitu nikmat di syurga bagi mereka yang bahagia, manakala azab di neraka bagi mereka yang celaka.

Al-Sa‘adah dalam al-Kharidah al-Bahiyyah oleh al-Dardir

Abu al-Barakat Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Abu Hamid al-‘Adawiy atau lebih dikenali dengan gelaran al-Dardir lahir pada 1127 Hijrah bersamaan 1715 Masihi di perkampungan Bani ‘Adi yang terletak di daerah Manfalut yang merupakan sebuah daerah di Asyut, Mesir. Beliau bermazhab Maliki dan bertarekat Khalwatiyah. Beliau menuntut ilmu fiqh mazhab Maliki melalui ‘Ali bin Ahmad al-Saidi dan tasawuf serta tarekat Khalwatiyyah melalui Muhammad bin Salim bin Ahmad al-Hifani.

Setelah guru beliau ‘Ali al-Saidi meninggal dunia, beliau ditabalkan sebagai syeikh utama dalam mazhab Maliki. Beliau juga merupakan syeikh bagi Ruwaq al-Sa‘adiyyah yang terletak di Masjid al-Azhar, Mesir. Beliau mengarang banyak karya dalam pelbagai bidang antaranya akidah, fiqh, tasawuf, balaghah, hadis, tafsir, mantik dan perdebatan.

⁵¹ Ibid., 300-301; Akli Ahmad, *Risalah Fikriyyah: Menghuraikan Matan Jauharah* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2015), 211-213.

Antara karya beliau dalam ilmu akidah ialah *al-Kharidah al-Bahiyyah*, *Hawashi 'ala Sharh al-Hudhudhi 'ala Umm al-Barahin* dan *al-'Iqd al-Farid fi Idah al-Su'al 'an al-Tawhid*. Matan *al-Kharidah al-Bahiyyah* terdiri daripada 71 bait dan disyarahkan sendiri al-Dardir serta ilmuwan terkemudian.⁵² Pada bait ke-47 matan *al-Kharidah al-Bahiyyah*, al-Dardir menyatakan:

وَجَائِزٌ فِي حَقِّهِ الْإِيجَادُ # وَالْتَّرْكُ وَالْإِشْقَاءُ وَالْإِسْعَادُ

Terjemahan: (Sifat) yang jaiz pada hakNya adalah mengadakan (sebarang makhluk) # Meninggalkan (penciptaan sebarang makhluk), memberikan kecelakaan dan memberikan kebahagiaan (kepada sesiapa yang dikehendakiNya).⁵³

Bait ini secara umumnya menjelaskan perkara yang harus bagi Allah SWT iaitu harus bagi Allah SWT itu untuk mengadakan sesuatu perkara. Istilah *al-ijad* ini juga membawa maksud penciptaan perkara yang *mungkin*. Oleh itu, Allah SWT itu harus bagiNya untuk mengadakan atau menciptakan sesuatu perkara *mungkin* serta harus juga bagiNya untuk meninggalkan perkara tersebut.

Selain itu, harus bagi Allah SWT untuk menimpa kecelakaan atau mengurniakan kebahagiaan kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Allah SWT boleh mematikan sesiapa yang dikehendakiNya sama ada dalam keimanan atau kekufran. Dalam hal ini, wajib ke atas kita untuk beriktiad bahawa *al-sa'adah* dan *al-shaqawah* adalah perkara yang telah ditentukan oleh Allah SWT sejak azali.

Istilah *al-ishqa'* pada bait ini membawa erti kurniaan sifat kekufran ke atas hambaNya, *al-idlal* (penyesatan) dan *al-khidhlan* (keadaan merana). Antara tanda-tanda kecelakaan adalah maksiat dan kekufran. Mereka yang celaka itu pula adalah yang mati dalam kekufran. Manakala istilah *al-is 'ad* pula membawa erti kurniaan

⁵² Ahmad bin Muhammad al-'Adawiy, *Sharh al-Kharidah al-Bahiyyah*, ed. Mustafa Abu Zayd (Kaherah: Dar al-Imam Malik, 2016), 13-28.

⁵³ Ahmad bin Muhammad al-'Adawiy, *Sharh al-Kharidah al-Bahiyyah*, ed. Mustafa Abu Zayd (Kaherah: Dar al-Imam Malik, 2016), 107.

sifat pengabdian, petunjuk dan tawfik kepada hambaNya. Antara tanda-tanda kebahagiaan adalah pengabdian, keimanan dan berkeadaan Muslim. Mereka yang bahagia itu pula adalah yang mati dalam keimanan.⁵⁴

Berdasarkan bait ini, al-Dardir menggunakan istilah *al-is ‘ad* dan *al-ishqa’* sepetimana al-Nasafi tetapi dengan tujuan menyatakan bahawa harus bagi Allah SWT itu untuk mengurniakan kebahagiaan atau menimpa kecelakaan kepada seseorang. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kebahagiaan dan kecelakaan seseorang itu adalah sesuatu yang *mumkinat*.

Kesimpulan

Kebahagiaan (*al-sa‘adah*) merupakan sebuah perkara yang mempunyai kedudukan perbahasannya dalam tradisi keilmuan Islam. Pada peringkat awal, perbahasan *al-sa‘adah* itu dapat ditemukan secara langsung dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW. Kemudian, perbahasan *al-sa‘adah* diteruskan oleh para ilmuwan Islam yang terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu iaitu perkamusan, akidah, falsafah dan tasawuf. Tumpuan perbahasan *al-sa‘adah* bagi setiap disiplin ilmu ini adalah berbeza tetapi saling lengkap melengkapi.

Secara umumnya, perbahasan *al-sa‘adah* dalam tradisi keilmuan Islam mencakupi dua aspek utama iaitu (i) faham kebahagiaan dan (ii) tatacara untuk mencapai kebahagiaan. Berdasarkan pemerhatian terhadap perbahasan *al-sa‘adah* dalam tradisi keilmuan sepetimana dalam al-Quran, hadis Nabi SAW, kamus-kamus besar, karya *mutakallimun*, ahli falsafah dan sufi jelas kelihatan bahawa faham kebahagiaan dalam Islam adalah tidak berubah-ubah. Keadaan ini adalah berbeza dengan pengalaman Barat yang mana faham kebahagiaan mereka adalah berubah-ubah dari satu zaman ke zaman yang lain.

Berdasarkanuraian para *mutakallimun*, khususnya empat karya yang dibincangkan di atas dapat ditemukan bahawa mereka banyak menjelaskan perihal faham kebahagiaan berbanding tatacara untuk mencapai kebahagiaan. Faham kebahagiaan yang

⁵⁴ Ahmad bin Muhammad al-‘Adawiy, *Sharh al-Kharidah al-Bahiyyah*, ed. Mustafa Abu Zayd (Kaherah: Dar al-Imam Malik, 2016), 234-237; Hisham al-Kamil Hamid Musa, *al-Tawdihat al-Jaliyyah ‘ala Matn al-Kharidah al-Bahiyyah* (t.t.p.: Dar al-Manar, 2014), 81-82; Hasan Muhammad al-Mashshat, *al-Bahjat al-Saniyyah Sharh al-Kharidah al-Bahiyyah fi ‘Ilm al-Tawhid* (Kaherah: Dar al-Salih, 2017), 73-74.

mereka jelaskan secara umumnya menyentuh tentang hubungan antara Allah SWT dengan manusia dan kebahagiaan. Selain itu, berdasarkan karya syarahan ke atas matan dijelaskan juga tentang ciri-ciri orang yang bahagia dan celaka.

Setiap karya mempunyai aspek perbahasan masing-masing yang saling lengkap-melengkapi. Al-Tahawiyy telah menjelaskan tentang hubungan *al-sa'adah* dan *al-shaqawah* seseorang dengan Allah SWT yang mana kedua-dua perkara ini adalah ketetapanNya. Al-Nasafi pula menjelaskan aspek yang tidak disentuh oleh al-Tahawiyy iaitu tentang keadaan orang yang bahagia dan orang yang celaka yang boleh berubah-ubah. Al-Nasafi juga menyatakan bahawa *al-is 'ad* dan *al-ishqa'* itu adalah sifat Allah SWT.

Ibrahim al-Laqani pula memperincikan perbahasan oleh al-Tahawiyy dengan menyatakan bahawa ketetapan *al-sa'adah* dan *al-shaqawah* seseorang itu adalah sejak azali. Ibrahim al-Laqani juga mengembangkan lagi perbahasan dengan menyatakan nasib orang yang bahagia dan celaka. Al-Dardir pula dengan jelas menyatakan bahawa adalah harus bagi Allah SWT untuk mengurniakan kebahagiaan atau kecelakaan kepada seseorang sekali gus menunjukkan bahawa *al-sa'adah* dan *al-shaqawah* seseorang itu adalah antara perkara *mumkinat*.

Berikut merupakan rumusan bagi penjelasan *mutakallimun* perihal *al-sa'adah* berdasarkan matan akidah dan karya syarah tersebut iaitu (i) perbahasan perihal *al-sa'adah* adalah seiring dengan perbahasan *al-shaqawah* kerana lawan *al-sa'adah* adalah *al-shaqawah* sepetimana dalam al-Quran dan kamus-kamus besar bahasa Arab. Selain itu, (ii) kebahagiaan (*al-sa'adah*) dan kecelakaan (*al-shaqawah*) seseorang telah ditentukan oleh Allah SWT sejak azali. Pengetahuan manusia akan kedua-dua perkara ini adalah selepas seseorang dimasukkan ke dalam syurga atau neraka.

Di samping itu, (iii) bentuk kebahagiaan adalah nikmat syurga, keimanan, ketaatan, Islam dan mati dalam keadaaan beriman. Manakala, bentuk kecelakaan adalah azab neraka, kekufuran, kesesatan daripada jalan yang benar dan mati dalam keadaan kafir. Seterusnya, (vi) harus bagi Allah SWT untuk mengurniakan kebahagiaan atau kecelakaan kepada seseorang yang dikehendakiNya. Akhir sekali, (v) faham kebahagiaan yang dibahaskan oleh *mutakallimun* adalah tidak berubah-ubah atau bertentangan satu sama lain, sebaliknya kekal dan saling lengkap

melengkapi. Ini kerana mereka bersandarkan kepada al-Quran dan hadis Nabi SAW.

Rujukan

- ‘Abdullah Ibrahim Jalghum. *Al-Mu’jam al-Mufahras al-Shamil li al-Faz al-Qur’an al-Karim bi al-Rasm al-‘Uthmani*. Riyadh: Tafsir Center for Qur’anic Studies, 2015.
- A. J. Wensinck & J. P. Mensing. *Concordance et Indices de la Tradition Musulmane: Les Six Livres, le Musnad D’al-Darimi, Le Muwatta’ de Mslik, le Musnad de Ahmad ibn Hanbal*. Leiden: E. J. Brill, 1943.
- Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir, 2002.
- Abu ‘Abd al-Rahman al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi. *Kitab al-‘Ayn*, ed. ‘Abd al-Hamid Hindawi. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukrim ibn Manzur,. *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir, 2021.
- Abu al-Fida' Isma'il bin ‘Umar ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-‘Azim*, ed. Sami bin Muhammad al-Salamah. Riyadh: Dar al-Taybah, 1999.
- Abu al-Hasan Muhammad ibn Yusuf al-‘Amiri. *Al-Sa’adah wa al-Is’ad fi al-Sirah al-Insaniyyah*. Tehran: University of Tehran Publications, 1957.
- Abu Nasr al-Farabi. *Kitab Ara’ Ahl al-Madinah al-Fadilah*, ed. Albir Nasri Nadir. Beirut: Dar al-Mashriq, 1986.
- Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, ed. Abu Qutaybah Nazr Muhammad al-Fariyabi. Riyadh: Dar al-Taybah, 2005.
- Ahmad bin Muhammad al-‘Adawiy. *Sharh al-Kharidah al-Bahiyah*, ed. Mustafa Abu Zayd. Kaherah: Dar al-Imam Malik, 2016.
- Ahmad bin Muhammad al-Tahawi. *The Creed of Imam al-Tahawi*, ed. Hamza Yusuf. Berkeley: Zaytuna Institute, 2007.
- Ahmad ibn Hanbal. *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*, ed. Shu‘ayb al-Arnă’ut dan ‘Adil Murshid. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1995.
- Akli Ahmad. *Risalah Fikriyyah: Menghuraikan Matan Jauharah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2015.

- Burhan al-Din Ibrahim al-Bajuri. *Tuhfat al-Murid 'ala Jawharah al-Tawhid*, ed. 'Ali Jum'ah Muhammad. Kaherah: Dar al-Salam, 2008.
- Edward William Lane. *An Arabic-English Lexicon*. Lahore: Suhail Academy, t.t.
- Hans Daiber. "Sa'ada." Dalam *Encyclopedia of Islam*. Leiden: E.J. Brill, 1995.
- Hasan Muhammad al-Mashshat. *Al-Bahjat al-Saniyyah Sharh al-Kharidah al-Bahiyyah fi 'Ilm al-Tawhid*. Kaherah: Dar al-Salih, 2017.
- Hisham al-Kamil Hamid Musa. *Al-Tawdihat al-Jaliyyah 'ala Matn al-Kharidah al-Bahiyyah*. t.tp.: Dar al-Manar, 2014.
- Ibn 'Arabi. *The Alchemy of Human Happiness*, terj. Stephen Hirtenstein. Oxford: Anqa Publishing, 2017.
- Idris Zakaria. "Ketuhanan, Kenabian dan Kebahagiaan Menurut Ibn Sina," *Islamiyat* 32 (2010): 135-156.
- Lorraine L. Besser. *The Philosophy of Happiness: An Interdisciplinary Introduction*. New York & London: Routledge, 2021.
- Majid Fakhry. *Ethical Theories in Islam*. Leiden: E.J. Brill, 1991.
- Malik Badri. "Happiness: A Repressed Concept in Western Psychological Thought," dalam *Cultural and Islamic Adaptation of Psychology: A Book of Collected Articles*. Manchester: Human Behaviour Academy Ltd, 2017.
- Miskawayh. *Tahdhib al-Akhlaq*, ed. 'Imad al-Halali. Beirut: Mansyurat al-Jumal, 2011.
- Mohd. Nasir Omar. *Christian and Muslim Ethics: A Study of How to Attain Happiness as Reflected in the Works on Tahdhib al-Akhlaq by Yahya ibn 'Adi and Miskawayh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- _____. *Falsafah Akhlak*, ed. ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2019.
- Mortimer J. Adler & Charles Van Doren. *Great Treasury of Western Thought: A Compendium of Important Statements on Man and His Institutions by the Great Thinkers in Western History*. New York & London: R.R. Bowker Company, 1977.
- Mortimer J. Adler. *Ten Philosophical Mistakes*. New York: Simon and Schuster, 1996.

- Mortimer J. Adler. *The Great Ideas: A Syntopicon of Great Books of the Western World.* Chicago, London & Toronto: Encyclopedia Britannica, Inc., 1952.
- Muhammad Abul Quasem. “al-Ghazali’s Conception of Happiness,” *Arabica* 22.2 (1975: 153-161.
- Muhammad bin Abi Bakr bin ‘Abd al-Qadir al-Razi. *Mukhtar al-Sihhah.* Beirut: Dar al-Fikr, 1973.
- Muhammad bin Ya‘qub al-Fayruzabadi. *Al-Qamus al-Muhit*, ed. Nasr al-Hurini. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Muhammad ibn ‘Abd Allah Khatib al-Tibrizi. *Mishkat al-Masabih*, ed. Nasir al-Din al-Albani. Beirut: al-Maktab al-Islami, 1979.
- Muhammad Murtada al-Husayni al-Zabidi. *Taj al-‘Arus min Jawahir al-Qamus*, ed. ‘Abd al-‘Aziz. Kuwait: Matba‘ah Hukumah al-Kuwait, 1994.
- Muhammad Nasri Hassan Basri, Mohd Hasrul Shuhari & Engku Ibrahim Engku Wok Zin. “Mukhalafatuhu li al-Hawadith menurut Perspektif Shurrah Matan Jawharah al-Tawhid,” *Jurnal Akidah & Pemikiran* (AFKAR) 21.1 (2019): 53-84.
- Mustafa Ceric. *Roots of Synthetic Theology in Islam: A Study of the Theology of Abu Mansur al-Maturidi.* Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995.
- Raghib al-Isfahani. *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, ed. Muhammad Sayyid Kaylani. Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.
- Ramadan bin Muhammad. *Sharh Ramadan Afandi ‘ala Sharh al-Aqaid.* t.p.: Sharkat Sahafiyyah ‘Uthmaniyyah, 1902.
- Sa‘d al-Din Mas‘ud al-Taftazani. *Sharh al-‘Aqaid al-Nasafiyyah*, ed. Anas Muhammad ‘Adnan. Damsyik: Dar al-Taqwa, 2020.
- Sa‘id ‘Abd al-Latif Fudah. *Al-Sharh al-Kabir ‘ala al-‘Aqidah al-Tahawiyyah.* Beirut: Dar al-Dakhair, t.t.
- Seyyed Hossein Nasr. “Happiness and the Attainment of Happiness: An Islamic Perspective,” *Journal of Law and Religion* 29.1 (2014): 76-91.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the ‘Aqa’id of al-Nasafi.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1988.

- _____. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press, 2014.
- _____. *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*. Kuala Lumpur: Ta'dib International, 2023.
- Zamalia Mahmud. *Handbook of Research Methodology: A Simplified Version*. Shah Alam: UiTM Press, 2015.

